

Majlis Ramah Mesra Bersama Pengetua KK1B baharu berlangsung meriah

UB 24.10.2019 15

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman 1Borneo melalui Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS), menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Pengetua dengan JAKMAS, Sekretariat dan juga Ketua Aras serta Ketua Pelajar.

Majlis ini diadakan bagi memberi peluang dan ruang kepada semua badan pelajar yang wujud di Kolej Kediaman 1Borneo untuk mengetahui pengetua baharu Kolej Kediaman berkenaan.

Menurut Pengarah Program dan juga merupakan Yang Dipertua JAKMAS KK1B Al Hidayah Awang, melalui sesi ramah mesra ini badan kepimpinan pelajar KK1B menimba pengetahuan dan pengalaman baharu melalui sesi perkongsian yang disampaikan oleh Pengetua baharu KK1B Wijaya Kamal Ramlan.

Beliau banyak berkongsikan pengalaman dan hubungan kerjasama beliau dengan pelbagai pihak

khususnya yang melibatkan aktiviti pelajar dan lain-lain lagi sepanjang menguruskan beberapa Kolej Kediaman di UMS sebelum ini.

Sesi soal jawab juga diadakan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk bertanyakan soalan kepada pengetua baharu berkenaan aspek kepimpinan dan pengurusan pelajar pada masa kini.

Program ini turut dihadiri oleh kakitangan Pentadbiran HEP dan barisan felo Kolej Kediaman 1Borneo.